



“MODENISASI DAN IMPLIKASINYA KE ATAS
KEHARMONIAN RUMAH TANGGA”

TINJAUAN : TAMAN PERUMAHAN BDC STAMPIN

OLEH :

| | |
|----------|----------------------------|
| 94789236 | JAIBI DUA |
| 94780589 | JOANNA FEDERICK GINDA |
| 94783197 | JUSTINA LISUS |
| 95058779 | MARIAM SUDANA FRANCIS |
| 95857135 | MOHAMAD SUANDI B. MORTADZA |
| 95857167 | SAMUEL ITAM |

KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN KEPADA FAKULTI PENTADBIRAN DAN
UNDANG-UNDANG, ITM SARAWAK UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN
DARIPADA SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM.

OKTOBER 1998

J000000530

PROJEK PELAJAR

K. B. R.

KANDUNGAN



| | |
|---|-----------|
| SURAT PENYERAHAN | I |
| PENGHARGAAN | II |
| ISI KANDUNGAN | V |
| | |
| BAB 1: CADANGAN DAN PENYELIDIKAN | 1 |
| 1.0 PENGENALAN KAJIAN | 1 |
| 1.1 LATARBELAKANG KAJIAN | 2 |
| 1.2 OBJEKTIF-OBJEKTIF KAJIAN | 4 |
| 1.3 HIPOTESIS | 6 |
| 1.4 SKOP KAJIAN | 7 |
| 1.5 METODOLOGI | 8 |
| 1.6 BATASAN KAJIAN | 10 |
| 1.7 KAJIAN LITERATURE | 12 |
| 1.8 JADUAL KERJA (CARTA GANTT) | 13 |
| 1.9 ANGGARAN PERBELANJAAN | 14 |

BAB 1

CADANGAN DAN PENYELIDIKAN

1.0 PENGENALAN KAJIAN

Perjuangan untuk mencapai sesuatu matlamat yang tidak pula disertai dengan kemuafakatan tidak akan mendatangkan hasil yang kukuh.

Begitu juga permuafakatan tanpa perjuangan untuk menyempurnakan matlamat tidak akan menghasilkan apa-apa pun. Perjuangan yang disulami dengan permuafakatan akan membentuk satu sejarah yang utuh dan kukuh.

Inilah benteng pertahanan yang dapat menepis budaya luar yang negatif iaitu yang mampu mengugat kestabilan negara dan keseragaman prinsip hidup masyarakat kita.

Dengan adanya ledakan era teknologi maklumat dan komunikasi yang ada pada masa kini menjadi rebutan dan pengukur kemajuan serta kekuasaan sesebuah negara yang sedang giat memodenisasikan negara dan rakyatnya telah mengeneipkan hal-hal yang berkaitan dengan permuafakatan dalam memperkukuhkan institusi kekeluargaan. Perkara yang berkaitan dengan keharmonian hidup khususnya tentang keutuhan institusi kekeluargaan telah menjadi seolah-olah perkara sampingan yang tidak dipentingkan sedangkan selaras dengan adat ketimuran keluargalah aspek paling utama di dalam pembangunan sesebuah negara kerana dengan adanya keutuhan dan kebahagiaan keluarga di kalangan masyarakat negara terbabit, maka sudah pastilah kemodenan yang dicari dan diperolehi akan menjadi suatu aset yang berharga dan berbaloi tanpa merugikan sesiapaupun.

BAB 2

SKOP PENTING MODENISASI

2.0 UNSUR-UNSUR MODENISASI

Ibnu Khaldun dalam bukunya yang terkenal iaitu al-muqadimah menyatakan bahawa keadaan atau kedudukan umat manusia tidak akan kekal dalam corak yang sama tetapi bergantung kepada tempat, keadaan dan masa. Jelas membuktikan kepada kita alam sekarang ini. Umumnya kita boleh mengklasifikasikan elemen modenisasi ini kepada beberapa kategori seperti:

(a) MOBILITI SOSIAL

Dewasa ini kita dapat melihat akan perubahan yang amat ketara sekali dalam sistem kehidupan manusia. Manusia terpaksa bersaing di antara satu sama lain untuk mengecap status kehidupan yang lebih baik. Kegagalan untuk memperolehi hidup yang selesa bermakna mereka akan ketinggalan di belakang.

Banyak faktor pendorong manusia ke arah mencapai status kehidupan sebegini. Media massa yang sentiasa memperlihatkan tentang kebahagiaan dan kemewahan hidup di samping menggambarkan keseronokan hidup semata-mata.

Untuk memiliki status yang baik di kalangan masyarakat, mereka terpaksa memiliki akademik yang tinggi. Ini adalah prasyarat utama untuk menjadi sebuah keluarga elit. Dengan demikian mereka dapat memiliki tahap kesihatan, kemudahan asas

(b) Analisis Pekerjaan dan Pendapatan Bulanan

Melalui analisis yang dibuat, didapati bahawa majoriti responden terdiri daripada 40% adalah bekerja di dalam Sektor Swasta. Ini memandangkan lebih banyak pekerjaan yang ditawarkan berbanding dengan di Sektor Awam. Terdapat 27% responden yang bekerja di sektor awam dan menjalankan perniagaan sendiri. Bagi responden-responden tersebut bekerja di sektor awam lebih selamat dan terjamin terutama apabila ekonomi meleset. Malah terdapat responden yang lebih gemar berniaga agar tidak perlu bekerja di bawah kawalan orang lain.

Manakala majoriti responden, 43% memperolehi jumlah pendapatan sebanyak RM 1000 – RM 1500. Di samping itu sebanyak 17% responden berpendapatan sebanyak RM 2500 ke atas. Kebanyakan responden yang berpendapatan RM 2500 ke atas adalah mereka yang bekerja di sektor awam dan berniaga sendiri. Namun begitu, hanya terdapat 13% responden, yang juga merupakan golongan minoriti mendapat pendapatan bulanan sebanyak RM 2000 – RM 2500.